



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

MALAYSIA KOMITED MELAKSANAKAN KEPUTUSAN PERSIDANGAN KONVENTSYEN KEPELBAGAIAN BIOLOGI

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menganjurkan Sesi Dialog Pasca Persidangan Parti-Parti Ke-16 Kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD COP16) pada hari ini di Kuala Lumpur bagi menyampaikan maklumat kepada pemegang-pemegang taruh berkaitan hasil dan keputusan-keputusan penting CBD COP16 serta tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi obligasi negara di peringkat antarabangsa. CBD COP16 telah diadakan 20 Oktober hingga 2 November 2024 di Cali, Colombia yang diketuai oleh Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam bersama 12 delegasi.

Sesi dialog ini dihadiri lebih 150 orang pemegang taruh yang terdiri daripada pegawai di peringkat Persekutuan dan Negeri, penyelidik, ahli akademik, pelajar, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan komuniti. Turut hadir ialah barisan ahli panel iaitu Encik Syed Mohazri Syed Hazari, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) yang mewakili pihak swasta; YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlin Mokhtar, Sustainable Development Solutions Network (SDSN) Asia yang mewakili ahli akademik serta YBrs. Dr June Rubis, ICCA Consortium yang mewakili badan bukan kerajaan berkaitan kawasan pemuliharaan bagi Orang Asli/ Asal dan komuniti.

Semasa sesi tersebut, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah memaklumkan bahawa Malaysia merupakan antara negara pertama yang mengintegrasikan kerangka biodiversiti global iaitu Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF) ke dalam Pelan Tindakan dan Strategi Biodiversiti Kebangsaan (NBSAP) melalui Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan (DKBK) 2022-2030. Pencapaian ini adalah sangat signifikan kerana setakat ini hanya 20% negara Parti yang berbuat demikian. Pencapaian Malaysia turut menarik perhatian Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), TYT Antonio Gutteres semasa ucapan pembukaan CBD COP16 yang telah mengiktiraf usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Malaysia dalam melipatgandakan usaha mengekang kegiatan penyahutan (deforestation).

Melalui sesi perbincangan panel yang diadakan, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam turut mengetengahkan keputusan-keputusan CBD COP16 termasuk penubuhan dana global yang dikenali sebagai ‘Cali Fund’ bagi tujuan perkongsian faedah secara adil dan saksama

daripada digital sequence information on genetic resources (DSI) serta penubuhan badan subsidiari tetap (permanent subsidiary body) bagi Artikel 8(j) mengenai inovasi, pengetahuan tradisi dan amalan untuk mengiktiraf penyertaan penuh dan berkesan masyarakat pribumi dan tempatan (indigenous people and local communities - IPLCs) dalam pemuliharaan biodiversiti.

Anugerah Emas yang telah dimenangi Malaysia semasa di CBD COP16 turut disampaikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada sesi tersebut. Sistem Maklumat Biodiversiti Malaysia (Malaysia Biodiversity Information System - MyBIS) menduduki tempat pertama bagi Anugerah National Clearing-House Mechanism (CHM) susulan pencapaian yang paling signifikan dalam membangunkan CHM di peringkat nasional. Sehingga kini, MyBIS mengandungi lebih daripada 1.2 juta rekod data merangkumi profil spesies, rekod spesimen, toksikologi, kawasan perlindungan, direktori pakar, bahan rujukan dan penerbitan. Sistem ini boleh diakses melalui www.mybis.gov.my.

Sijil-sijil penghargaan turut disampaikan kepada Pasukan Pembangun MyBIS; Pusat Sistematik Serangga, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai penyumbang data terbanyak MyBIS bagi kategori pusat koleksi; Profesor Dr. Norhayati binti Ahmad daripada UKM sebagai penyumbang data terbanyak untuk kategori individu; dan delegasi negara ke CBD COP16.

Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia semasa CBD COP16 sewajarnya menyuntik semangat semua pemegang taruh ke arah mengukuhkan pemuliharaan biodiversiti, penggunaan komponennya secara mampan, dan perkongsian faedah daripada sumber genetik yang adil dan saksama. Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam menyeru supaya pendekatan senegara dan keseluruhan masyarakat (whole-of-nation and whole-of-society) diperkuatkan bagi memastikan usaha-usaha pemuliharaan biodiversiti dilaksanakan secara lebih cekap dan berkesan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
11 DISEMBER 2024**